

Khamis, 6 April 2017 - 12:20AM

Waktu Solat Kuala Lumpur: Imsak - 5:45 Subuh - 5:55 Syuruk - 7:10 Zuhur - 13:19 Asar - 16:23 Maghrib - 19:23 Isyak - 20:32



(/)



[UTAMA \(/\)](#) [SEMASA \(/SEMASA\)](#) [SUKAN \(/SUKAN\)](#) [BISNES \(/BISNES\)](#) [DUNIA \(/DUNIA\)](#) [JENAYAH \(/JENAYAH\)](#) [HIBURAN \(/HIBURAN\)](#) [POLITIK \(/POLITIK\)](#)

[BERSEKUTUANG \(/BERSEKUTUANG\)](#) [SUKSES \(/SUKSES\)](#) [HARTANAH \(/HARTANAH\) \(/HARTANAH\) \(/HARTANAH\) \(/HARTANAH\) \(/HARTANAH\) \(/HARTANAH\) \(/HARTANAH\) \(/HARTANAH\)](#) [SIKAP \(/SIKAP\)](#) [KESOKAN \(/KESOKAN\)](#) [SUKSES \(/SUKSES\)](#)

BISNES

RABU, 5 APRIL 2017 @ 8:07 PM

Serba Dinamik dapat kontrak RM468.95j (/node/268338)

Tweet

Like Share 0

G+ 0



KUALA LUMPUR: Serba Dinamik Holdings Bhd memperoleh lima kontrak bernilai RM468.95 juta melalui anak syarikatnya, Serba Dinamik Sdn Bhd dan Serba Dinamik International Ltd.

Penyedia kejuruteraan tenaga itu, berkata kontrak terbabit akan meningkatkan kedudukannya dalam penyedia utama perkhidmatan penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih, di dalam dan luar negara.

Dalam satu kenyataan hari ini, Serba Dinamik berkata Shell MDS (M) Sdn Bhd memberikan kontrak empat tahun bernilai RM65 juta, bagi kerja penyelenggaraan mekanikal dan perkhidmatan projek.

Sementara itu, Petronas Carigali Sdn Bhd pula memberikan kontrak setahun bernilai RM45 juta, bagi perkhidmatan penyelenggaraan pemampat gas.

Satu lagi ialah kontrak setahun dengan Petronas Floating LNG1 (L) Ltd, bernilai RM25 juta, bagi kemudahan

bengkel dan tenaga kerja serta peralatan bagi kerja pembaikan dan baik pulih peralatan.

Menurut Serba Dinamik, firma berpangkalan di Qatar, Muhammed Jabar Trading and Contracting Co., WLL memberikan kontrak tiga tahun kepada syarikat bagi kerja penyelenggaraan jentera turbo dan perkhidmatan sokongan kejuruteraan bernilai RM331.95 juta.

Selain itu, pengendali medan minyak, Petrofac (Malaysia PM304) Ltd juga memberikan kontrak tiga tahun bernilai RM2 juta, bagi kerja pemantauan, katanya. - BERNAMA